

Islamofobia Dan Islamodium Terhadap Islam: Kajian Pasca PRU-15 Dan Pilihanraya Negeri

Nur Fazura Asyiqin Mohd Zamzuri¹, Mohd Zamrus Mohd Ali^{1*}

¹Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*Corresponding author: zamrus@usim.edu.my

ABSTRAK

Isu Islamofobia dan Islamodium di Malaysia adakala memberi impak kepada umat Islam biarpun pada hakikatnya ianya petanda kepada permusuhan terhadap Islam secara terang-terangan. Isu kalimah Allah, tuduhan Taliban kepada Parti Islam Se Malaysia, dakwaan kuil dan tokong akan dirobuhkan sekiranya Islam memerintah adalah antara modal yang disebut-sebut oleh individu tertentu semasa berkempen. Lebih meningkatkan Islamofobia dan Islamodium dalam kalangan masyarakat di Malaysia ialah apabila tiada kenyataan yang diwakili oleh Majlis Agama Negeri atau pihak pemerintah untuk menjawab tuduhan-tuduhan tersebut seolah-olah Islam yang dituduh itu hak milik parti tertentu sahaja. Perkembangan hari ini tidak boleh dipandang sepi kerana Islamofobia dan Islamodium akan menular dalam kalangan masyarakat hingga akhirnya generasi Islam di Malaysia sendiri akan menjauhi Islam akibat tiada tindakan serius untuk membentaras serangan terhadap Islam. Berdasarkan metodologi kajian kualitatif, maklumat yang akan bincangkan memberi fokus kepada Pilihanraya Umum ke-15 dan pilihanraya negeri telah berlalu dan akan meneliti serta menyenaraikan ucapan yang berbau sentiment anti-Islam semasa kempen. Hasil kajian awal mendapati bahawa Islamofobia dan Islamodium menjurus kepada sentimen anti-Islam walaupun tidak disebut secara verbal. Kesimpulan kajian turut mengharapkan semua parti Melayu Islam, pertubuhan-pertubuhan Melayu-Islam serta institusi-institusi Islam di Malaysia berganding tangan membasmi sentimen ini demi memastikan maruah Islam dan negara Malaysia teguh berdaulat.

Kata Kunci: *Islamofobia dan Islamodium, isu anti-Islam di Malaysia, pasca PRU-15 dan PRN*

PENDAHULUAN

Islamofobia adalah istilah kontroversi yang merujuk kepada prasangka dan diskriminasi pada Islam dan Muslim. Istilah itu sendiri sudah digunakan pada tahun 1980-an. Pada tahun 1997, Badan Amanah Runnymede mentakrifkan Islamofobia sebagai "rasa takut dan benci terhadap Islam lalu membawa kepada takut dan tidak suka kepada orang Islam," juga menyatakan ia juga merujuk kepada amalan mendiskriminasikan orang Islam dengan mengasingkan mereka dari kegiatan ekonomi, sosial dan kehidupan masyarakat. Islamofobia juga termasuk persepsi bahawa Islam mempunyai nilai yang tidak sama dengan budaya lain, lebih rendah dari nilai barat dan mempunyai ideologi politik yang ganas daripada dikenali sebagai satu agama.

Manifestasi Islamofobia dizahirkan dalam pelbagai bentuk ekspresi seperti penulisan buku, penghasilan filem dan perbuatan yang merangkumi keganasan, protes dan gerakan Islamofobia itu sendiri. Gerakan-gerakan ini akhirnya menjadi tidak terkawal dan mencetuskan Islamodium yang sangat membenci Islam dan penganutnya. (Firdaus Wong, 2023). Oleh itu istilah Islamodium membawa erti tindakan secara fizikal menzahirkan

kebencian terhadap Islam yang diterjemahkan sama ada melalui media massa, artikel atau melalui perhimpunan dan seumpamanya.

Secara rasmi pilihan raya umum Malaysia ke-15, diadakan pada 19 November 2022 untuk memilih anggota Dewan Rakyat di Parlimen Malaysia ke-15. Walaupun PRU baru 2 tahun berlalu namun masih terdapat sentimen berbaur anti-Islam. Kenyataan tuduhan seperti 'menyokong Parti Islam menyebabkan negara akan menjadi Taliban atau Afghanistan' itu menimbulkan ketakutan masyarakat terutama masyarakat pelbagai kaum. Situasi ini bahkan dijadikan senjata dalam kempen politik untuk menjatuhkan pihak parti lawan yang ingin membawa Islam, sekali gus menimbulkan sentimen 'Islamophobia' pasca PRU15 di Malaysia. Apa yang lebih dibimbangi ialah tercetusnya Islamodium sekiranya tidak dihentikan segera.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, terdapat pelbagai penyelidikan dan laporan akhbar dijalankan tentang kempen PRU ke-15 yang menyentuh tentang kebimbangan terhadap kerajaan Islam. Menurut Adibah Yasmin Alias, Jamaie Haji Hamil (2023) cara yang dikesan untuk meraih undi antaranya ialah dengan berkempen menggunakan sentimen agama dan perkauman. Hal ini memberi gambaran seolah-olah pilihanraya menjadi medan untuk melihat pertempuran berkenaan dengan agama, bangsa dan fahaman politik. Bridget Welsh (2022) dalam membuat analisis awal PRU-15 mengaitkan pola pengundian adalah berasaskan kebangkitan kaum. Welsh yang menumpukan analisis beliau di Semenanjung sahaja menyatakan parti yang berasaskan politik identiti iaitu Melayu-Islam tetap menjadi pilihan pengundi. Ini menggambarkan walaupun pelbagai serangan terpaksa dihadapi oleh calon dan parti yang membawa imej Islam namun mereka masih mendapat tempat di hati para pengundi. Walau bagaimanapun parti berimej Islamis gagal meraih undi bukan Melayu.

Menurut Hew Wai Weng (2023) kempen efektif oleh parti gabungan yang membawa imej Islamis dan Nasionalis Melayu adalah kekuatan utama kepada kejayaan parti perikatan dalam memperoleh 73 kerusi parlimen. Hal ini sekali gus menjadikan parti yang membawa elemen Islam secara jelas adalah antara pemenang besar dalam PRU-15 yang lalu. Terdapat pelbagai tohmahan berbaur Islamofobia dilemparkan namun elemen ini merupakan faktor penarik kebanyakan pengundi Melayu. Selain itu, kempen PRU dilihat cuba menangkis serangan pihak lawan dengan membawa pendekatan lain antaranya ialah juga mempunyai kempen efektif dengan slogan catchy seperti "PN, the best" dan motto prihatin, bersih dan stabil. Selain itu, serangan terhadap calon dan parti juga menggunakan kempen media sosial secara berkesan melalui platform TikTok, Facebook dan WhatsApp. Hal ini dapat meredakan ledakan anti-Islam.

Dalam kajian ini, penyelidik ingin mengenalpasti faktor yang mengaitkan sentimen agama dalam kempen pilihanraya hingga boleh menyebabkan ketidakharmonian dalam negara. Bahkan ia dapat menggugat kestabilan pentadbiran yang terdiri daripada berbilang kaum dan agama. Faktor politik yang berteraskan agama sering dilihat sebagai suatu yang ekstrim. Namun mungkin terdapat faktor lain akibat ketandusan bahan kempen dan inginkan kemenangan maka calon-calon yang bertanding sanggup memperlekeh antara satu sama lain. Selain itu penyelidikan ini akan mengenalpasti cadangan penyelesaian kepada

pertikaian antara pihak-pihak yang berbalah akibat kempen-kempen yang dilakukan dalam pilihanraya PRU ke-15 lalu.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kaedah kualitatif dan ia dipilih kerana pengkajian ini tidak melibatkan teknik statistik serta penemuan yang dihasilkan tidak melalui prosedur statistik atau cara pengkuantitian yang lain. Data primer diperolehi melalui kajian lepas dan data-data daripada sumber utama iaitu artikel, buku, akhbar dan jurnal supaya mendapat gambaran berkaitan dengan penyelidikan dalam kajian kali ini. Di samping itu, kajian ini turut mendapatkan maklumat dari media elektronik seperti laman sesawang internet, media sosial (TikTok, Facebook, Twitter) sebagai data sekunder bagi mengimbangi maklumat yang sedia ada dalam laporan artikel dan akhbar.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Fenomena yang disebabkan oleh prejudis terhadap agama Islam dan kepada golongan Muslim itu telah mendapat perhatian daripada pengeluar kandungan media di Malaysia. Menurut Kuok Tiung, Lee & Meri, Aisah & Othman, Siti Suriani & Nayan, Liana (2018) hal ini disebabkan oleh usaha untuk menangkis persepsi negatif yang dilabelkan kepada golongan Muslim dan seterusnya media berusaha untuk mengimbangnya. Berdasarkan maklumat-maklumat yang disampaikan oleh media menyemarakkan lagi isu yang sedang berlaku dalam negara. Contohnya apabila media menyiarkan artikel bahawa Parti Islam mendakwa ada parti tertentu yang membawa agenda kristianisasi dan komunisme. Artikel begini boleh menimbulkan keresahan dalam kalangan orang Melayu sehingga mencetuskan gelombang baru. Menurut Ruhan Sharir (2022) keputusan PRU-15 yang lalu menunjukkan parti gabungan Pakatan masih gagal merebut sokongan Melayu Islam. Tidak dinafikan sentimen dan kenyataan berunsur provokasi dilakukan berterusan sehingga ke hari akhir kempen pilihanraya mempunyai kesan kepada pihak lawan.

Islamofobia dan Islamodium di negara kita turut berlaku akibat tempas daripada propaganda oleh Barat dengan alasan ingin memerangi terorisme. Berdasarkan laporan RTM bertarikh 13 Ogos 2023 sebanyak 1,770 laporan polis diterima sepanjang kempen PRU ke-15. Antara laporan yang diterima ialah tentang pengkhianatan terhadap negara dan perkauman. Senario ini sebagai suatu gambaran yang kurang menyenangkan kerana ia juga adalah ancaman kepada keselamatan dan kestabilan dalaman negara. Dalam konteks ini, antara cara yang mempengaruhi pengundi yang dijadikan bahan kempen ialah:

- i. Naratif Politik: Calon mungkin menggunakan sentimen yang timbul daripada propaganda anti-Islam untuk menarik perhatian atau sokongan daripada pengundi yang mempunyai pandangan negatif terhadap Islam. Ini boleh menjadi alat untuk memperkukuhkan retorik nasionalisme atau identiti.
- ii. Persepsi Terhadap Minoriti: Pengaruh negatif terhadap Islam di Barat mengakibatkan stereotaip dan stigma terhadap masyarakat Islam di Malaysia. Ini secara tidak langsung mencetuskan kebimbangan atau ketidakpercayaan dalam kalangan segmen masyarakat yang tidak memahami Islam secara mendalam.

- iii. Strategi Pemilihan: Parti politik mengadaptasi strategi mereka berdasarkan keadaan semasa, termasuk mengambil kira bagaimana isu-isu global seperti Islamofobia mempengaruhi pandangan rakyat. Ini mempengaruhi cara mereka mengatur kempen dan menyampaikan mesej kepada pengundi.

Kajian yang dilakukan oleh Pusat Kewartawanan Bebas (2023) mendedahkan sebanyak 91, 417 hantaran di media sosial menyentuh isu kaum dan agama. Pengarahnya iaitu Wathslah Naidu menyifatkan hantaran ini dikongsi oleh pengguna melalui ruangan komen dan ada yang bermusuhan dan menghasut ke arah keganasan.

Antara strategi yang digunakan oleh Parti yang membawa imej Islam antaranya ialah penekanan kepada naratif agama dan kaum, kempen media sosial yang berkesan dan kempen agama dan kaum secara maksimum. Hal ini bagi mengimbangkan serangan dan membangkitkan semula semangat Islamis kepada para pengundi walaupun dengan pelbagai tohmahan. Sentimen ini semakin kuat dengan munculnya filem hit dari Studio Kembara iaitu filem Mat Kilau yang bersifat nasionalis pada tahun 2022. Mesej utama filem itu adalah menggesa orang Melayu Islam bersatu menentang bangsa asing dan menekankan peranan Islam dalam identiti Melayu. Kesimpulannya, politik identiti yang bertunjangkan kepada naratif agama dan kaum masih lagi relevan di dalam landskap politik di Malaysia walaupun sentiasa terdedah dengan Islamofobia dan Islamodium.

KESIMPULAN

Melalui hasil kajian ini didapati bahawa fenomena Islamofobia dan Islamodium dalam pasca PRU ke-15 adalah berdasarkan ceramah pilihanraya, penulisan dalam akhbar dan penyebaran info melalui pelbagai aplikasi dalam internet. Dengan menyedari kempen yang berlangsung melibatkan serampang dua mata maka adalah lebih baik setiap parti yang bakal bertanding mencari idea yang lebih berpengaruh tanpa menyentuh isu sensitif. Selain itu, pengundi perlu mengambil langkah inisiatif agar tidak mudah terpengaruh dengan tohmahan dan tidak menerima bahan kempen secara mentah tanpa kajian dan diselidik terlebih dahulu. Hasil kajian ini akan menyumbang langkah pro-aktif kepada agensi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk bertindak tegas terhadap mereka yang cuba berkempen menggunakan isu-isu sensitif terutama berkaitan agama dan bangsa. Senario ini dapat mengawal keselamatan negara dan menjadikan Malaysia sebagai negara yang mengamalkan demokrasi yang telus dan bertamadun.

PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih kepada Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia kerana menyediakan platform untuk murid melakukan penyelidikan. Melalui subjek penyelidikan ini, pengkaji lebih yakin untuk menghadapi situasi sebenar dalam masyarakat hasil dari tinjauan dan obvervasi yang dilakukan melalui penelitian serta pembacaan. Penyelidik juga mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang menghulurkan bantuan sepanjang kajian ini dilaksanakan antaranya ialah Perpustakaan Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia serta semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Adibah Yasmin Alias, Jamaie Haji Hamil. 2023. "Keberkesanan Strategi Perikatan Nasional dalam Pilihan Raya Umum ke-15 di Semenanjung Malaysia: Penonjolan Golongan Islamis". *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 50(4)(2023): 451-473
- Bridget Welsh, 2022. "Analisis awal pengundian kaum pada PRU15, Bridget Welsh.com, <https://bridgetwelsh.com/articles/analisis-awal-pengundian-kaum-pada-pru15/>
- Hew Wai Weng, 2022. "From Islamist to Muslim majoritarianism: The rise of PAS in GE 15", Stratsea.com, <https://stratsea.com/from-islamist-to-muslim-majoritarianism-the-rise-of-pas-in-ge15/>.
- Kuok Tiung, Lee & Meri, Aisah & Othman, Siti Suriani & Nayan, Liana. 2018. "Wacana Islamofobia dalam Media Malaysia: Obligasi, Isu-isu dan Cabaran". *Jurnal Komunikasi Borneo (JKoB)*. 8-20. 10.51200/jkob.v0i0.1574.
- Ruhan Shahrir 2022. "PRU15: Memetakan 'tsunami hijau' PAS", *The Malaysian Insight*, 24 November 2022, [https:// www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/413610](https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/413610).